

١٣- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ جَرِيرٍ حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ سَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ إِسْحَاقَ يُحَدِّثُ عَنْ
 أَبَانَ بْنِ صَالِحٍ عَنْ مُجَاهِدٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ نَهَى نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةَ
 بِبَوْلٍ فَرَأَيْنَاهُ قَبْلَ أَنْ يُقْبِضَ بِعَامٍ يَسْتَقْبِلُهَا.

Ibnu al-Jārūd dan Sunan at-Tirmidzi tersebut dengan lebih jelas lagi qiblat yang dimaksudkan itu, begini lafaznya: مُسْتَنْبِرُ الْكُفَّةِ (dan membelakangi Ka`bah).

⁸³ **Kedudukan hadits ke-12: Sahih.** Ia diriwayatkan juga oleh Malik, Bukhari, Muslim, Ahmad, Tirmidzi, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain. Hadits ini dijadikan dalil oleh orang-orang yang berpendapat harus menghadap dan membelakangi qiblat secara mutlaq. Tidak kira sama ada di dalam bangunan dan tandas atau di tanah lapang dan kawasan terbuka. Ia dipercayai sebagai naasikh (pemansukh) kepada hadits-hadits yang melarang daripada menghadap dan membelakangi qiblat yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub dan lain-lain. Hadits ini juga dijadikan hujah oleh orang-orang yang berpendapat tidak harus di tanah lapang dan di kawasan terbuka sahaja. Ia juga dijadikan hujah oleh orang-orang yang mengkhususkan larangan Rasulullah s.a.w. dengan menghadap qiblat sahaja. Sementara membelakangi qiblat adalah diharuskan secara mutlaq. Tidak kira sama ada di dalam bangunan dan tandas atau di tanah lapang dan di kawasan terbuka. Orang-orang yang berpegang dengan hadits-hadits yang melarang menghadap dan membelakangi qiblat secara mutlaq menta'wilkan hadits Ibnu 'Umar ini dengan mengatakan, walaupun ia sahih tetapi masih terdapat kemungkinan yang boleh meragukan ketepatan peristiwa tersebut. Ada kemungkinan Baginda s.a.w. terkejut dengan kehadiran Ibnu 'Umar lalu berpusing (kebetulan membelakangi qiblat) dengan tujuan agar lebih terlindung. Ibnu 'Umar yang menganggap perbuatan tersebut harus lalu berijtihad jika di dalam binaan tidak mengapa membuang air dengan menghadap atau membelakangi qiblat.

Pada pendapat penulis, kesemua ijtihad yang telah dikemukakan oleh para 'ulama' itu boleh diterima dan diamalkan mengikut keperluan dan keadaan. Mungkin pada suatu peringkat Nabi s.a.w. ingin mengingatkan umatnya supaya menta'zimkan Ka`bah. Keadaan yang sama boleh dilihat dalam banyak arahan Baginda yang melarang sesuatu perkara, tetapi membenarkannya semula ataupun pada peringkat awalnya tidak diharuskan, namun kemudiannya dibolehkan. Contohnya arahan supaya mengambil wudhu' setelah memakan daging yang dimasak dan larangan dari menziarahi kubur. Dua perkara ini kemudiannya telah dibatalkan oleh Baginda s.a.w.

13- Muhammad bin Basysyar⁸⁴ meriwayatkan kepada kami, katanya: Wahb bin Jarir⁸⁵ meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku (Jarir)⁸⁶ meriwayatkan kepada kami, katanya: Aku mendengar Muhammad bin Ishaq⁸⁷ meriwayatkan

⁸⁴ Beliau digelar Bundār. Bun dalam bahasa Farsi bererti buku, buku tulis atau buku catatan. Dār pula bererti empunya atau yang mempunyai. Beliau digelar begitu kerana mempunyai buku-buku catatan hadits yang dicatatnya dengan amat teliti. Imam adz-Dzahabi di dalam Tazkiratu al-Huffaaz menyebutkan, Bundār seorang hafiz besar dan imam. Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Basysyār bin 'Utsman al-'Abdi al-Bashri an-Nassāj. Beliau ialah seorang alim hadits di Bashrah, teguh dan kukuh (dalam riwayatnya). Muhammad bin Basysyār tidak mengembara dan merantau ke mana-mana untuk mencari ilmu semasa hayat ibunya, semata-mata untuk berkhidmat kepadanya. Beliau baru merantau untuk mencari ilmu setelah ibunya meninggal dunia. Beliau telah menerima hadits daripada Mu'tamir bin Sulaiman, Ghundar, Yahya bin Sa'id dan perawi-perawi yang seangkatan dengan mereka. Ramai sekali tokoh-tokoh hadits menerima hadits daripadanya. Kata Abu Haatim, Muhammad bin Basysyār adalah shaduq. Al-'ijli pula berkata, beliau tsiqah, banyak meriwayatkan hadits. Di dalam Kitab at-Tauhid Ibnu Khuzaimah berkata: حدثنا إمام أهل زمانه في العلم والأخبار محمد بن بشار. Bermaksud: "Imam orang-orang di zamannya dalam ilmu dan hadits, Muhammad bin Basysyār meriwayatkan kepada kami." Kata adz-Dzahabi, pendapat orang-orang yang mendha'ifkan Muhammad bin Basysyār tidak perlu diambil kira. Para 'ulama' kemudiannya berijma' tentang boleh berhujjah dengan hadits-hadits yang diriwayatkannya. Muhammad bin Basysyār meninggal dunia pada tahun 252 Hijrah.

⁸⁵ bin Haazim bin Zaid, Abu 'Abdillah al-Azdi al-Bashri. Seorang perawi tsiqah. Meriwayatkan hadits daripada ayahnya Jarir, Ibnu 'Aun, Syu'bah dan ramai lagi yang lain. Orang-orang yang meriwayatkan hadits daripada beliau pula antara lainnya ialah Ahmad, Ishaq dan Ibnu Ma'in. Ibnu Ma'in juga mengatakan beliau tsiqah. Meninggal dunia pada tahun 252 Hijrah.

⁸⁶ Jarir bin Haazim adalah seorang perawi tsiqah. Tetapi haditsnya daripada Qataadah ada kelemahan. Beliau juga banyak terkeliru (له أوهام) kalau meriwayatkan hadits berdasarkan ingatan dan hafalan. Meninggal dunia pada tahun 170 Hijrah setelah mengalami kecelaruan fikiran. Bagaimanapun beliau tidak ada meriwayatkan hadits setelah bercelaru fikiran. Demikianlah tersebut di dalam at-Taqrib.

⁸⁷ Muhammad bin Ishaq adalah seorang perawi kontroversial. Sebahagian 'ulama' menta'dilkannya. Sementara sebahagian yang lain pula mentajrihkannya. Ada yang meletakkannya pada taraf perawi hasan, ada yang mengangkatnya sampai ke taraf perawi sahih. Pada masa yang sama ada yang mendha'ifkannya, malah ada juga yang mengatakan dia seorang pendusta besar dan dajjaal. Bagi penulis, pendapat golongan 'ulama' yang mentajrihkannya lebih tepat berbanding golongan yang menta'dilkannya. Sebaik-baik bukti untuk pendapat penulis ialah riwayat-riwayat beliau, sama ada di dalam kitabnya sendiri atau yang bertaburan di celah-celah kitab-kitab hadits susunan para 'ulama' yang lain. Golongan yang menta'dilkan Ibnu Ishaq juga tidaklah

daripada Abān bin Shāleh⁸⁸ daripada Mujahid (bin Jabr)⁸⁹ daripada Jabir bin 'Abdillah,⁹⁰ beliau berkata, "Nabi s.a.w. melarang kita menghadap qiblat ketika membuang air kecil, kemudian aku melihat Baginda setahun sebelum wafat, membuang air kecil dengan menghadap ke arah qiblat."⁹¹

menerima semua bentuk riwayatnya tanpa syarat. Mereka bahkan meletakkan beberapa syarat untuk diterima riwayatnya. Antara syarat penerimaan riwayatnya ialah: (a) Beliau tidak bersendirian dalam meriwayatkannya. (b) Riwayatnya tidak menyokong bid'ahnya. (c) Beliau tidak meriwayatkannya secara 'an'anah. (d) Tidak ada gharabah dan syuzuz. (e) Tidak bercanggah dengan riwayat-riwayat orang lain yang lebih tsiqah daripadanya. (f) Tidak mengandungi unsur-unsur yang memburuk-burukkan para sahabat Rasulullah s.a.w. (g) Tidak bercanggah dengan qaedah riwayat dan dirayat yang diterima pakai oleh para 'ulama' hadits. Ibnu Ishaq meninggal dunia pada tahun 151 Hijrah. Riwayat-riwayatnya terdapat di dalam Sahih Muslim, Sunan Abi Daud, Sunan an-Nasaa'i, Sunan at-Tirmidzi Sunan Ibnu Majah dan lain-lain. Untuk mendapat penjelasan lebih terperinci tentang Ibnu Ishaq sila lihat buku penulis: "Ibnu Ishaq Dan Peranannya Dalam Penyebaran Fahaman Syi'ah Di Kalangan Ummah".

⁸⁸ Seorang perawi hadits yang dikatakan tsiqah oleh kebanyakan 'ulama' Rijaal Hadits. Mereka menganggap Ibnu Hazam yang mengatakan beliau majhul dan Ibnu 'Abdil Barr yang mengatakan beliau dha'if sebagai waham (kekeliruan). Abaan meninggal dunia pada tahun 115 Hijrah ketika berusia 55 tahun.

⁸⁹ Abu al-Hajjaaj al-Makhzumi al-Makki. Seorang perawi tsiqah, hujjah dan imam dalam ilmu Tafsir dan ilmu-ilmu lain. Salah seorang Ausāth at-Tābi'in iaitu orang-orang yang sempat dengan zaman sahabat Rasulullah s.a.w. dan zaman Kibaar at-Tābi'in (Tābi'in besar). Mereka (Tābi'in besar) itu pula meriwayatkan sesuatu daripadanya. Mujahid meninggal dunia pada tahun 104 Hijrah ketika berumur 83 tahun.

⁹⁰ bin 'Amar bin Haraam al-Anshaari as-Salami. Jābir dan ayahandanya 'Abdullah adalah sahabat Rasulullah s.a.w. Jābir telah ikut serta berperang bersama Nabi s.a.w. dalam 19 peperangan. Beliau terbilang salah seorang daripada tujuh orang sahabat yang banyak meriwayatkan hadits daripada Baginda s.a.w. Tujuh orang sahabat yang dimaksudkan selain beliau sendiri ialah Abu Hurairah, Ibnu 'Umar, Ibnu 'Abbaas, Anas, Abu Sa'id al-Khudri dan 'Aaishah r.a. Jābir bin 'Abdillah meninggal dunia selepas tahun 70 Hijrah ketika berumur 94 tahun.

⁹¹ **Kedudukan hadits ke-13: Ḥasan.** Ia diriwayatkan juga oleh Ahmad, Tirmidzi, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Ḥibbān, Ḥākim dan al-Baihaqi. Tirmidzi mengatakan hadits ini ḥasan gharīb. Sementara Ibnu Ḥibbān, Ibnu Khuzaimah dan al-Ḥākim pula menghukumnya sahih. Imam adz-Dzahabi bersetuju dengan keputusan al-Ḥākim itu. Sesetengah 'ulama' berpendapat hadits ini memansuhkan hadits larangan menghadap qiblat semasa membuang air. Hadits ini juga dijadikan dalil oleh golongan yang berpendapat harus membuang air dalam keadaan menghadap qiblat dan membelakanginya secara mutlaq. Sesetengah 'ulama' mazhab Syafi'e pula berpegang dengan hadits Jābir melalui tariq (saluran riwayat) yang lain. Imam at-Tirmidzi di dalam

al-'Ilal al-Kabirnya berkata: "Aku telah bertanya kepada Imam Bukhari berkenaan dengan hadits Jābir. Jawab beliau, ia sahih." Ini berarti hadits Jābir itu ada saluran lain yang sahih. Hafiz Ibnu Hajar di dalam at-Talkhīsh al-Ĥabīr mentakhrijkan hadits Jābir ini dengan agak terperinci. Kata beliau, ia diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bazzār, Abu Daud, Tirmidzi, Ibnu Majah, Ibnu al-Jārūd, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Ḥibbān, Ḥākim dan ad-Dāraquthni. Ibnu Ḥibbān menambahkan lafaz *ونستدبرها* (dan membelakanginya). Imam Bukhari menghukum hadits ini sahih menurut nukilan Imam Tirmizi daripada beliau. Imam Tirmizi sendiri mengatakan hadits ini hasan. Demikian juga kata al-Bazzār. Ibnu as-Sakan juga mengatakan ia sahih." Oleh itu, ia dengan sendirinya memansuhkan hadits Abu Ayyub. Para 'ulama' mazhab Hanafi membantah hujah yang dikemukakan oleh 'ulama' - 'ulama' mazhab Syafi'e itu dengan mengatakan, kalau diandaikan hadits Jābir itu sahih sekalipun, ia tetap dikategorikan sebagai hadits fe'li yang tidak dapat disamakan dengan hadits qauli daripada segi kekuatannya. Lebih-lebih lagi jika dilihat kepada tujuan dilarang menghadap dan membelakangi Ka'bah ialah untuk memuliakannya. Sedangkan kemuliaan Nabi s.a.w. adalah lebih daripada kemuliaan Ka'bah. Bahkan menurut sesetengah 'ulama', Baginda s.a.w. lebih mulia daripada Arasy dan Kursi. Maka sesuai sekali jika dikatakan keharusan menghadap atau membelakangi qiblat itu khusus untuk Nabi s.a.w. sahaja. Hafiz Ibnu Hajar sendiri di dalam at-Talkhīsh al-Ĥabīr mempertikaikan orang-orang yang menjadikan hadits Jābir ini sebagai hujah untuk membolehkan seseorang menghadap qiblat dan membelakanginya secara mutlaq. Kata beliau, hadits ini hanya menceritakan perbuatan Rasulullah s.a.w. yang tidak boleh dijadikan panduan umum. Boleh jadi Nabi s.a.w. melakukan begitu kerana sesuatu ke'uzuran. Boleh jadi juga Baginda s.a.w. pada ketika itu berada di dalam suatu binaan. Dan banyak lagi kemungkinan-kemungkinan yang lain. (Lihat at-Talkhīsh al-Ĥabīr j.1 hal.306).

Selain dua hadits yang dikemukakan oleh Abu Daud di bawah bab ke-5 ini, hadits 'Aaishah juga selalu dijadikan sebagai hujah oleh golongan yang membenarkan atau mengharuskan membuang air dalam keadaan menghadap qiblat atau membelakanginya. Di bawah ini adalah hadits 'Aaishah yang dimaksudkan itu:

حَدَّثَنَا يَزِيدُ أَخْبَرَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ خَالِدِ بْنِ الْحَدَّادِ عَنْ خَالِدِ بْنِ أَبِي الصُّلْتِ قَالَ كُنَّا عِنْدَ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ فَتَكْرَرُوا الرَّجُلُ يَجْلِسُ عَلَى الْخَلَاءِ فَيَسْتَقْبِلُ الْقِبْلَةَ، فَكَرَهُوا ذَلِكَ فَخَلَّتْ عَنْ عَزَاكَ بْنِ مَالِكٍ، عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ ذَلِكَ كُرِيَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَوْفَدَ فَعَلَوْهَا؟ حَوْلِي مِفْعَتِي إِلَى الْقِبْلَةِ.

Bermaksud: Khalid bin Abi as-Shalt berkata, "Pernah kami duduk dekat 'Umar bin 'Abdil 'Aziz. Lalu orang-orang (yang hadir di dalam majlis itu) menyebut tentang seorang lelaki yang duduk untuk membuang air dengan menghadap qiblat. Mereka tidak senang dengan perbuatan orang itu. Terus beliau ('Umar bin 'Abdil 'Aziz) meriwayatkan (hadits) daripada 'Irāk bin Malik daripada 'Aaishah, bahawa perkara yang sama pernah disebut orang di hadapan Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. lantas bertanya: "Apakah mereka telah sampai berbuat begitu?" Kemudian bersabda (kepadaku): "Engkau pusingkan tempat dudukku (di dalam tandas), biar ia menghadap qiblat." (Hadits riwayat Ahmad, at-Thahāwi dan lain-lain).

Walaupun hadits ini dikatakan hasan oleh sesetengah 'ulama', namun ia dipertikaikan oleh sekian ramai tokoh-tokoh hadits atas beberapa sebab.

- (1) Imam Ahmad dan Imam Bukhari berkata, tidak tsabit 'Irāk ada mendengar apa-apa daripada 'Aaishah. Dengan itu sanadnya terputus (منقطع).
- (2) Sanad hadits ini muththarib. (a) Ada yang meriwayatkannya daripada Khalid al-Ĥadzdā' daripada 'Irāk daripada 'Aaishah. (b) Ada yang meriwayatkan daripada Khalid al-Ĥadzdā' daripada seorang lelaki daripada 'Aaishah. (c) Hammad bin Salamah meriwayatkannya daripada Khalid al-Ĥadzdā' daripada Khalid bin Abi as-Shalt daripada 'Irāk daripada 'Aaishah.
- (3) Imam Tirmizi pernah bertanya Imam Bukhari tentang hadits ini. Jawab beliau, ia muththarib. Yang sebetulnya ia mauquf pada 'Aaishah seperti kata Ibnu al-Qaiyyim dan para muhadditsin yang lain. Imam Ibnu Abi Haatim meriwayatkan hadits ini menerusi Ja'far bin Rabi'ah daripada 'Irāk daripada 'Aaishah sebagai hadits mauquf. Sedia dima'lumi bahawa di kalangan murid-murid 'Irāk, Ja'far bin Rabi'ah-lah yang paling berkelayakan dan paling dipercayai. Kerana itu riwayat beliaulah sepatutnya ditarjihkan daripada riwayat-riwayat orang-orang lain. Oleh itu, dapatlah kiranya disimpulkan bahawa hadits ini *maunqathi'* atau *mauquf*. Kedua-dua keadaan ini sama sekali tidak akan melayakkannya untuk menandingi hadits Abu Ayyub yang muttashil, sahih, marfu' dan sangat kuat itu.
- (4) Ibnu Hazam berkata, Khalid bin Abi as-Shalt adalah perawi *majhul*. Imam az-Zahabi pula berkata, hadits 'Irāk *munkar*.
- (5) Ibnu Hazam juga berkata, agak sukar untuk diterima seorang muslim yang ber'aqal bahawa setelah memerintahkan orang ramai supaya tidak menghadap qiblat dan membelakanginya, Nabi s.a.w. tiba-tiba membantah pula perbuatan orang-orang yang menurut perintahnya. Ya, satu perkara yang patut sekali berlaku ialah hadits ini muncul dahulu, lalu dimansuhkan oleh hadits-hadits yang melarang daripada menghadap qiblat dan membelakanginya yang datang kemudian. Walaupun ada juga pihak yang cuba mempertahankan hadits 'Aaishah ini dengan mempertikaikan kembali alasan-alasan yang dikemukakan tadi, namun pada hakikatnya ia tetap tidak dapat bertahan. Kedha'ifannya tetap juga terserlah.
- Jika hadits 'Aaishah yang diriwayatkan oleh 'Irāk diambil kira dan diperhatikan dengan saksama anda akan nampak bagaimana sikap Nabi s.a.w. apabila mendapati tujuan sebenar larangannya (menta'zimkan Ka'bah) telah disalah faham oleh sebahagian sahabat sehingga menyusahkan mereka, Baginda tidak gembira dengan gejala itu, lalu memerintahkan 'Aaishah agar mengubah kedudukan tempat membuang air supaya menghadap qiblat. Dengan berbuat demikian hilanglah keraguan dan kesusahan yang mungkin timbul di kalangan masyarakat akibat larangan yang mempunyai maksud dan tujuan tertentu itu. Kedudukan perkara ini boleh dikatakan sama dengan isu anjing yang diperintahkan agar kesemuanya dibunuh pada suatu peringkat di zaman Nabi s.a.w. Arahan ini dikuatkan lagi dengan hadits yang menyebutkan malaikat tidak memasuki rumah yang ada anjing di dalamnya, bahkan pahala pembelanya akan berkurangan sebanyak dua qiraath tiap-tiap hari. Kemudian perintah menghapuskan anjing dilonggarkan dan dikhususkan kepada anjing hitam sahaja. Anjing-anjing lain tidak perlu lagi dibunuh. Jaabir meriwayatkan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ حَتَّى أَنْ الْمَرْأَةُ كَانَتْ تَدْخُلُ بِالْكَلْبِ فَيَقْتُلُ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَخْرُجَ وَقَالَ لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأُمَمِ لَأَمَرْتُ بِقَتْلِهَا فَأَقْتُلُوا مِنْهَا كُلَّ أَسْوَدَ بِهِمِ بَيْنَ عَيْنَيْهِ نُقْطَتَانِ فَإِنَّهُ شَيْطَانٌ.

Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah memerintahkan agar dibunuh anjing, sehingga orang perempuan bila masuk ke dalam rumah dibunuhnya anjing terlebih dahulu sebelum keluar. Beberapa lama kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Kalaulah tidak kerana anjing-anjing itu salah satu makhluk kejadian Allah, niscaya aku perintahkan kesemuanya dibunuh. Sekarang bunuhlah anjing berwarna hitam legam yang ada dua titik di antara dua matanya. Kerana ia adalah syaitan." (Hadits riwayat Ibnu Hibbān).

Kemudian pada akhirnya arahan ini juga dibatalkan (dimansuhkan) melalui sabda Baginda s.a.w. yang diriwayatkan oleh `Abdullah bin Mughaffal, kata beliau:

أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ ثُمَّ قَالَ مَا لِي وَلِلْكِلابِ ثُمَّ رَحَّصَ فِي كَلْبِ الصَّيْدِ وَفِي كَلْبِ آخَرِ نَسِيَهُ سَعِيدٌ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh membunuh anjing-anjing. Kemudian Baginda bersabda: "Kenapa aku perlu sibuk dengan anjing-anjing?" Kemudian Nabi s.a.w. membenarkan anjing perburuan dan satu macam anjing lagi (dipelihara). Perawinya Sa'id terlupa."

Ya, bukankah anjing juga merupakan sebahagian makhluk Tuhan sepertimana lalat, nyamuk dan sebagainya. Hanya kerana makhluk-makhluk ini membawa berbagai penyakit, mereka dianggap langsung tidak berfaedah. Ini adalah satu persepsi yang salah. Tetap ada hikmat dan kebaikannya apabila mereka diciptakan oleh Allah. Kalau anjing memang sejenis makhluk perosak dan langsung tidak mempunyai kebaikannya, tentu arahan agar ia dibunuh tidak dihentikan. Pembatalan arahan membunuh anjing membuktikan terdapat maksud dan tujuan lain di sebalik perintah membunuhnya sebelum itu.

Terdapat sesetengah 'ulama' yang tegas menyokong larangan menghadap dan membelakangi qiblat berhujjah dengan mengatakan bahawa ada hadits yang menyebutkan di akhirat kelak orang yang meludah ke arah qiblat akan mendapati ludah tersebut berada di antara dua matanya. Hadis tersebut menunjukkan perbuatan meludah ke arah qiblat pun tidak dibenarkan, apatah lagi jika membuang air.

Perlu sekali difahami bahawa hadis berkenaan sebenarnya telah disalah faham oleh mereka. Ancaman yang tersebut di dalam hadits itu hanyalah untuk orang-orang yang meludah di dalam solat. Ia bukannya meliputi semua keadaan. Nabi s.a.w. melarang perbuatan tersebut kerana ingin menjaga adab sembahyang dan kebersihan masjid. Amat sukar sekali untuk mematuhi arahan tersebut jika ia turut meliputi keadaan di luar sembahyang. Riwayat tersebut yang lebih sahih juga ada mengaitkan perbuatan tersebut dengan sembahyang.

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan tujuan Nabi s.a.w. melarang dan kemudian menampakkan keharusan dalam soal ini sebenarnya ada kaitan dengan proses pentarbiyahan kepada para sahabat dalam menimbulkan kebesaran dan kemuliaan Ka'bah di dalam hati mereka. Apabila sudah mencapai tujuannya iaitu perasaan ta'zim kepada Ka'bah sudah sehati di dalam hati sanubari umat Islam, arahan tersebut